



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : KAUNSELING INDUSTRI**  
**KOD KURSUS : DSM2043**  
**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi DUA (2) bahagian: BAHAGIAN A (50 Markah)  
BAHAGIAN B (50 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**  
*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Berikan definisi kaunseling yang anda ketahui. (2 markah)
- b. Berikan definisi bagi istilah berikut:
- i. Pengurus
  - ii. Kaunselor
  - iii. Klien
- (3 markah)
- c. Huraikan **DUA (2)** strategi dalam kaunseling kerjaya. (5 markah)

**SOALAN 2**

- a. Senaraikan **EMPAT (4)** fungsi kaunseling di tempat kerja. (4 markah)
- b. Encik Ali merupakan seorang Pengurus Sumber Manusia di Syarikat XYZ. Selain daripada menjalankan tugasnya sebagai seorang pengurus, Encik Ali juga berperanan sebagai seorang kaunselor dalam memberi khidmat nasihat kepada para pekerja. Huraikan **TIGA (3)** kemahiran yang perlu ada pada Encik Ali sebagai kaunselor di organisasi beliau. (6 markah)

**SOALAN 3**

- a. Cik Salmah telah mendapat surat panggilan temuduga sebagai calon Eksekutif Sumber Manusia di Syarikat ABC. Oleh itu, nyatakan **EMPAT (4)** persediaan awal Cik Salmah dalam menghadiri sesi temuduga.

(4 markah)

- b. Huraikan **TIGA (3)** jenis temuduga yang dijalankan oleh organisasi.

(6 markah)

**SOALAN 4**

- a. Nyatakan **DUA (2)** ciri yang perlu ada pada kaunselor yang baik.

(2 markah)

- b. Seorang klien perlu dibekalkan dengan pengetahuan tentang proses pemilihan kerjaya agar ia dapat menilai kemampuan dan kebolehan yang ada dalam diri mereka. Cadangkan **EMPAT (4)** proses pemilihan pekerjaan yang perlu diberi perhatian oleh klien.

(8 markah)

**SOALAN 5**

Syarikat Cempaka Bhd. Ingin menjalankan penilaian prestasi kepada para pekerjanya. Hal ini penting bagi mengetahui prestasi, kelebihan dan kelemahan kakitangan yang ingin dinilai dan seterusnya memberi indikator kepada organisasi. Oleh itu, huraikan **LIMA (5)** teknik atau tatacara penilaian yang boleh digunakan oleh Syarikat Cempaka Bhd. Dalam menilai prestasi para pekerja.

(10 markah)

**[50 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan, jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. PERKAMA merujuk kepada Persatuan Kaunseling Malaysia yang telah didaftarkan pada tahun 1989. Senaraikan **LIMA (5)** tujuan profesional PERKAMA dalam menjalankan fungsinya di Malaysia.

(5 markah)

- b. Kaunseling kerjaya bermaksud kaunselor perlu mewujudkan hubungan yang baik dengan klien untuk menilai ciri-ciri peribadinya bagi mendorong klien melibatkan diri dalam kaunseling kerjaya dan seterusnya memilih pekerjaan yang sesuai. Jelaskan **DUA (2)** teori utama kaunseling kerjaya iaitu teori Holland dan teori Super dalam memberi pendekatan pemilihan kerjaya.

(20 markah)

**SOALAN 2**

- a. Masalah pekerja menjadi antara salah satu isu utama di dalam organisasi. Kenalpasti **LIMA (5)** masalah pekerja yang berkaitan dengan pekerjaannya.

(5 markah)

- b. Dengan bantuan gambarajah yang perlu anda ilustrasikan, huraikan **EMPAT (4)** gaya membantu kaunselor / pengurus dalam industri.

(20 markah)

**SOALAN 3**

- a. Berikan **LIMA (5)** komponen dalam Program Membantu Pekerja (PMP)  
(5 markah)
- b. Program Membantu Pekerja (PMP) menekankan fungsinya kepada pertolongan yang berbentuk bimbingan dan nasihat yang lebih berorientasikan kepada membuat keputusan dan penyelesaian masalah. Huraikan **DUA (2)** model Program Membantu Pekerja (PMP) di dalam organisasi.  
(20 markah)

**[50 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**



